



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

TABIKA KEMAS KAMPUNG PUTERI MENANGIS BAKAL MEMPERKASA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI PONTIAN, JOHOR

PONTIAN, JOHOR – Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia merangkap Ahli Parlimen Pontian, hari ini mewakili Kementerian Kerja Raya dalam majlis penyerahan projek pembinaan Tabika KEMAS Kampung Puteri Menangis, Pontian. Projek ini merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan Perpaduan dalam memperkasa pendidikan awal kanak-kanak di bawah gagasan Malaysia MADANI.

2. Projek ini telah dimulakan pada 24 Mei 2023 dan dilaksanakan di atas tanah seluas 901 meter persegi di Lot 63552, yang terletak dalam kawasan perumahan yang sedang membangun. Tabika ini telah disiapkan pada 4 Februari 2025, manakala Sijil Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 28 Februari 2025. Projek ini dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM795,523.00 oleh kontraktor API Elektrik melalui kaedah perolehan tender terbuka, berteraskan prinsip akauntabiliti dan ketelusan.

3. Pembinaan Tabika KEMAS ini bertujuan menyediakan ruang pendidikan awal yang lebih kondusif bagi kanak-kanak. Ia juga bertujuan melahirkan murid yang mempunyai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira, serta membentuk kanak-kanak yang berdikari, kreatif dan inovatif.

4. Tabika ini mampu menampung seramai 30 orang pelajar dan dilengkapi dengan kemudahan sokongan seperti taman permainan, sistem saliran, pagar keselamatan, serta tempat letak kenderaan. Termasuk dalam skop projek ialah kerja-kerja elektrik, mekanikal, pavmen laluan pejalan kaki, pembentungan, 1 tiang bendera, kabinet dan papan tanda.

5. Projek ini juga menyediakan kemudahan tempat letak kereta (termasuk satu petak untuk OKU), tempat letak motosikal, kebuk sampah dan sistem pagar keselamatan – mencerminkan pendekatan holistik dan inklusif dalam pembangunan infrastruktur pendidikan awal.

6. Projek ini bukan sekadar pembinaan fizikal semata-mata, malah merupakan inisiatif yang akan memudahkan masyarakat setempat mendapatkan pendidikan awal untuk anak-anak mereka. Dengan permintaan tinggi terhadap kemudahan tadika di kawasan ini, Tabika ini dijangka dapat menampung keperluan pendidikan bagi kanak-kanak berumur lima dan enam tahun.

7. Sehingga Januari 2025, terdapat sebanyak 10,616 buah Tabika KEMAS yang beroperasi di seluruh Malaysia, memberi manfaat kepada lebih 200,000 orang kanak-kanak.

8. Bagi tahun ini,, sebanyak 24 projek Tabika KEMAS telah disenaraikan di bawah kendalian JKR yang melibatkan tiga peringkat pelaksanaan iaitu siap, dalam pelaksanaan, dan pra pelaksanaan. Sehingga kini, dua projek telah siap sepenuhnya, iaitu di Johor dan Pahang. Sebanyak enam projek sedang dalam pelaksanaan, iaitu di Terengganu, Kedah, dan Johor, serta tiga projek di Negeri Sembilan. Manakala, enam belas projek lagi berada di peringkat pra pelaksanaan. Projek-projek ini melibatkan negeri-negeri berikut:

- Johor (4 projek)
- Kelantan (1 projek)
- Melaka (2 projek)
- Negeri Sembilan (3 projek)
- Pahang (1 projek)
- Perak (1 projek)
- Selangor (1 projek)
- Terengganu (3 projek)

9. KKR turut menyeru kepada JKR Pontian untuk memastikan pihak kontraktor melaksanakan tanggungjawab dengan baik dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) selama satu (1) tahun iaitu sehingga 27hb Februari 2026.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
23 MEI 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja